



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Peraturan-Peraturan Dan Syarat-Syarat  
Mengenai Skim Pembiayaan Komputer  
Bagi Anggota Perkhidmatan Awam**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>KEMUDAHAN PINJAMAN/ PEMBIAYAAN KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM.....</b>	<b>2</b>
<b>WP 9.1/2013 Skim Pembiayaan Komputer Perkhidmatan Awam.....</b>	<b>2</b>
1. Tujuan .....	2
2. Latar Belakang .....	2
3. Tafsiran.....	2
4. Skim Pembiayaan Komputer .....	3
5. Syarat-Syarat Pembiayaan.....	3
6. Permohonan Pembiayaan .....	4
7. Tatacara Pembiayaan .....	4
8. Tanggungjawab Pegawai Yang Menerima Pembiayaan .....	8
9. Tatacara Perakaunan Pembiayaan .....	9
10. Tindakan Surcaj Dan Tatatertib .....	12
11. Am .....	13
<b>LAMPIRAN.....</b>	<b>14</b>

## KEMUDAHAN PINJAMAN/ PEMBIAYAAN KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

### WP 9.1/2013 Skim Pembiayaan Komputer Perkhidmatan Awam

#### 1. Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan syarat-syarat permohonan pembelian komputer di bawah Skim Pembiayaan Komputer bagi Pegawai Perkhidmatan Awam. Pekeliling ini juga bertujuan untuk memperuntukkan tatacara kewangan dan perakaunan yang perlu dipatuhi oleh pihak yang bertanggungjawab mengurus, memproses dan meluluskan Skim Pembiayaan Komputer ini.

#### 2. Latar Belakang

- 2.1 Kemudahan pembiayaan komputer bagi pegawai Perkhidmatan Awam diperkenalkan semenjak pelaksanaan Sistem Saraan Baru Perkhidmatan yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 1992.
- 2.2 Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, semakin semula telah dibuat terhadap syarat-syarat Skim Pembiayaan Komputer tersebut.

#### 3. Tafsiran

- 3.1 Melainkan jika konteks dalam Pekeliling ini menghendaki maksud yang lain, perkataan dan rangkai kata yang dinyatakan di bawah hendaklah mempunyai erti yang berikut:

“**Pegawai**” bererti semua kategori pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam yang sedang berkhidmat dan dilantik secara tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan;

“**perisian**” bererti program-program yang membolehkan komputer melakukan tugas-tugas tertentu seperti perisian sistem, perisian pengaturcaraan dan perisian penggunaan tetapi tidak termasuk perisian permainan;

“**keuntungan**” bererti satu kadar keuntungan yang akan ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa;

“**meninggalkan perkhidmatan**” bererti pegawai yang perkhidmatannya ditamatkan, meletak jawatan atau membuat pilihan menerima opsyen yang ditawarkan daripada agensi yang diperbadankan atau diswastakan; dan

“**waris**” bererti waris terdekat

- a. Isteri dan anak-anak bagi pegawai lelaki yang telah berkahwin; atau
- b. Suami dan anak-anak bagi pegawai perempuan yang telah berkahwin; atau
- c. Ibu bapa bagi pegawai bujang.

#### **4. Skim Pembiayaan Komputer**

Skim Pembiayaan Komputer adalah suatu kemudahan pembiayaan yang diwujudkan bagi membiayai pembelian komputer oleh Pegawai Perkhidmatan Awam.

#### **5. Syarat-Syarat Pembiayaan**

##### **5.1 Kelayakan**

5.1.1 Pegawai Perkhidmatan Awam yang sedang berkhidmat, dilantik secara tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan layak memohon pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan Komputer ini.

5.1.2 Pegawai Perkhidmatan Awam yang telah membuat pinjaman pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan Komputer ini juga layak membuat permohonan pembiayaan setiap tiga (3) tahun dengan syarat pinjaman yang terdahulu telah diselesaikan.

##### **5.2 Jumlah Pembiayaan**

5.2.1 Amaun pembiayaan maksimum adalah sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) sahaja.

5.2.2 Amaun pembiayaan yang dibenarkan juga adalah tertakluk kepada pengiraan jumlah potongan bulanan bagi bayaran balik tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok dan semua potongan gajinya hendaklah tidak melebihi 60% daripada jumlah gaji pokok dan elaun-elaun.

##### **5.3 Pembelian komputer**

5.3.1 Pembelian komputer yang dibenarkan adalah pembelian komputer baru termasuk perkakasan dan perisiannya.

5.3.2 Komputer bagi maksud pekeling ini dikelaskan kepada 3 kategori seperti berikut:

- a) komputer desktop;
- b) komputer riba; dan

c) komputer tablet.

5.3.3 Perkakasan bagi maksud pekeling ini dikelaskan kepada 3 kategori seperti berikut:

a) mesin pencetak;

b) mesin pengimbas; dan

c) peranti pelbagai fungsi (*multifunction device*).

5.3.4 Pemohonan untuk membuat pembelian lebih daripada satu unit komputer adalah dibenarkan tetapi bukan dari kategori komputer yang sama.

5.3.5 Permohonan untuk pembelian komputer bersama lebih dari satu unit perkakasan adalah dibenarkan tetapi bukan dari kategori perkakasan yang sama.

5.3.6 Pembelian komputer di bawah pakej jalur lebar dibenarkan tetapi pembiayaan tidak termasuk bayaran langganan bulanan.

5.3.7 Urus niaga pembelian komputer hendaklah dilakukan di dalam Malaysia.

## 6. Permohonan Pembiayaan

6.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam (Borang Kew. 317) seperti yang dilampirkan di [Lampiran A](#). Borang Permohonan hendaklah disediakan sebanyak tiga (3) salinan dan dikemukakan kepada Bahagian Kewangan Kementerian/Jabatan Pegawai.

6.2 Permohonan hendaklah disertakan dengan sebut harga yang menyenaraikan butiran dan spesifikasi komputer, perkakasan dan perisian yang hendak dibeli. Sebut harga daripada pembekal komputer yang berdaftar berdasarkan undang-undang di Malaysia sama ada diperolehi secara terus atau atas talian (*online*) adalah diterima.

## 7. Tatacara Pembiayaan

### 7.1 Pengiraan Pembiayaan

7.1.1 Pengiraan amaun pembiayaan hendaklah berdasarkan kepada jumlah kos bagi pembelian komputer berdasarkan sebut harga yang menyenaraikan butiran dan spesifikasi komputer, perkakasan dan perisian yang dikemukakan oleh

pegawai. Pengiraan ini juga tertakluk kepada amaun pembiayaan maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) sahaja dan hendaklah dibundarkan kepada ratusan ringgit terdekat yang kurang.

**Contoh pengiraan:**

Sebut harga	: RM3,550.00
Pengiraan Pembiayaan	: RM3,500.00
Baki	: RM50.00 dijelaskan sendiri oleh peminjam

7.1.2 Sekiranya harga belian komputer tersebut adalah melebihi daripada amaun pembiayaan maksimum, pegawai hendaklah menjelaskan sendiri amaun bayaran baki.

7.1.3 Pengiraan amaun pembiayaan hendaklah mengambil kira jumlah potongan bulanan bayaran balik pembiayaan. Potongan bulanan bayaran balik pembiayaan hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok pegawai dan jumlah semua potongan gaji pegawai hendaklah tidak melebihi 60% daripada jumlah gaji pokok dan elaun-elaun.

**Contoh pengiraan:**

Gaji pokok	RM2,500.00
Elaun-elaun	<u>RM 640.00</u>
Jumlah	RM3,140.00

i)	Jumlah potongan	RM1,500.00	
	Perkiraan	<u>RM1,500.00</u>	x 100 = 47%
		RM3,140.00	(layak)

ii)	Jumlah potongan	RM2,000.00	
	Perkiraan	<u>RM2,000.00</u>	x 100 = 63%
		RM3,140.00	(tidak layak)

## 7.2 Kuasa Meluluskan Permohonan Pembiayaan

7.2.1 Tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat pembiayaan yang dinyatakan di dalam perenggan 5 di atas, kuasa untuk meluluskan pembiayaan komputer adalah diberi kepada semua Pegawai Pengawal. Jika perlu, Pegawai Pengawal boleh secara bertulis membenarkan seorang Pegawai Kanan menjalankan bagi pihaknya tugas meluluskan pembiayaan.

7.2.2 Tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat pembiayaan yang dinyatakan di dalam perenggan 5 di atas, kuasa untuk meluluskan pembiayaan komputer bagi permohonan pembiayaan komputer daripada Pegawai Pengawal adalah Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

### 7.3 Kelulusan Pembiayaan Kali Kedua dan Seterusnya

7.3.1 Tertakluk kepada perenggan 7.2, permohonan kali kedua dan seterusnya hanya boleh diluluskan selepas tiga (3) tahun daripada tarikh kelulusan pembiayaan komputer dan amaun pembiayaan terdahulu telah diselesaikan sepenuhnya oleh pemohon.

### 7.4 Penyediaan Dokumen-Dokumen Selepas Permohonan Pembiayaan Diluluskan

7.4.1 Pihak yang bertanggungjawab untuk mengurus dan memproses Skim Pembiayaan Komputer hendaklah memastikan agar dokumen-dokumen yang disenaraikan di bawah disediakan:

#### a) Surat Tawaran Pembiayaan – Lampiran B

Setelah Pegawai Pengawal membuat keputusan untuk meluluskan permohonan pembiayaan, surat tawaran pembiayaan komputer seperti di [Lampiran B](#) hendaklah dikeluarkan.

#### b) Perjanjian Pembiayaan- Lampiran C

Perjanjian berkenaan pembiayaan tersebut (Borang Kew. 318) seperti yang dilampirkan di [Lampiran C](#).

#### c) Surat sebagai Wakil Kerajaan- Lampiran D

Surat pelantikan hendaklah dikeluarkan di mana pegawai yang menerima tawaran pembiayaan komputer adalah dilantik sebagai wakil Kerajaan seperti di [Lampiran D](#).

7.4.2 Pihak yang bertanggungjawab untuk mengurus dan memproses Skim Pembiayaan Komputer hendaklah memastikan agar dokumen-dokumen yang disenaraikan di bawah diterima daripada pegawai yang menerima pembiayaan:

#### a) Memorandum Penerimaan – Lampiran B

Pegawai yang menerima tawaran pembiayaan tersebut hendaklah bersetuju dengan tawaran pembiayaan dan mengembalikan Memorandum Penerimaan yang telah ditandatangani seperti di [Lampiran B](#).

#### b) Perjanjian Pembiayaan- Lampiran C

Perjanjian hendaklah ditandatangani dan disempurnakan sebanyak tiga (3) salinan dan ketiga-tiga salinan hendaklah

dikemukakan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta disetem secukupnya berdasarkan kepada kadar yang ditetapkan oleh LHDN.

7.4.3 Sebanyak tiga (3) salinan **Lampiran A** dan **Lampiran C** yang telah disempurnakan hendaklah diedarkan kepada pihak-pihak yang disenaraikan di bawah:

- a) Lampiran A dan C asal hendaklah dikembalikan bersama dokumen sokongan yang ditetapkan dan dikemukakan kepada Pejabat Pembayar;
- b) salinan kedua hendaklah disimpan oleh Kementerian/Jabatan yang meluluskan permohonan itu untuk kegunaan Jabatan yang bertanggungjawab menguruskan bayaran pembiayaan komputer melalui potongan gaji bulanan; dan
- c) salinan ketiga hendaklah disimpan dalam fail peribadi dan dicatat dalam Buku Rekod Perkhidmatan Pegawai.

7.5 Amaun pembiayaan yang diluluskan akan diserahkan oleh Pejabat Pembayar melalui cek atau *Electronic Fund Transfer* (EFT).

## 7.6 **Pembayaran Balik Pembiayaan**

### 7.6.1 Kadar Bayaran Balik Pembiayaan

Pembayaran balik pembiayaan termasuk kadar keuntungan hendaklah dibayar oleh pegawai secara ansuran melalui potongan gaji pada tiap-tiap bulan sebagaimana yang dipersetujui di dalam Perjanjian. Kadar pembayaran balik pembiayaan tersebut hendaklah berdasarkan perkiraan di **Lampiran E**.

### 7.6.2 Tempoh Pembayaran Balik Pembiayaan

7.6.2.1 Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah tidak melebihi 48 bulan.

7.6.2.2 Bayaran balik pembiayaan hendaklah diselesaikan sepenuhnya di dalam tempoh yang dipersetujui.

7.6.2.3 Baki bayaran balik pembiayaan boleh diselesaikan lebih awal dari tempoh yang dipersetujui. Perbendaharaan, boleh memberikan rebat mengikut kadar yang akan ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dari semasa ke semasa.

7.6.2.4 Baki bayaran balik pembiayaan hendaklah diselesaikan sepenuhnya sebelum pegawai



bersara/meninggalkan perkhidmatan. Dengan yang demikian, tempoh maksimum pembiayaan hendaklah tidak melebihi tempoh perkhidmatan Pegawai.

7.6.2.5 Ketua Jabatan adalah diberi kuasa untuk membuat potongan sekali gus semua ansuran yang tertunggak daripada gaji pegawai berkenaan.

## **7.7 Pembayaran Balik Pembiayaan Apabila Berlaku Kematian, Kebakaran dan Lain-lain.**

7.7.1 Di dalam keadaan pegawai yang menerima pembiayaan meninggal dunia, baki bayaran balik pembiayaan hendaklah diselesaikan oleh waris si mati.

7.7.2 Di dalam kes tertentu di mana seseorang pegawai berada dalam kesempitan seperti mengalami bencana alam termasuk kebakaran atau banjir, Pegawai Pengawal boleh atas budi bicaranya membenarkan pegawai berkenaan membayar balik pembiayaan itu dengan cara dan tempoh yang ditentukan dengan syarat pegawai hendaklah membuat permohonan secara bertulis kepada Pegawai Pengawal. Pegawai Pengawal tidak boleh mengarahkan mana-mana pegawai menjalankan kuasa berkenaan bagi pihaknya.

7.7.3 Pegawai Pengawal adalah diberi kuasa untuk memberi penangguhan bayaran balik pembiayaan komputer kepada pegawai yang telah diluluskan cuti tanpa gaji/cuti separuh gaji oleh Kerajaan. Dalam hal demikian, tempoh bayaran balik hendaklah dijadualkan semula tanpa dikenakan apa-apa bayaran tambahan bagi tempoh berkenaan.

7.7.4 Pegawai yang meninggalkan perkhidmatan hendaklah menyelesaikan baki bayaran balik pembiayaan sepenuhnya sebelum tarikh meninggalkan perkhidmatan.

## **8. Tanggungjawab Pegawai Yang Menerima Pembiayaan**

8.1 Pegawai yang menerima pembiayaan komputer ini adalah bertanggungjawab membayar balik amaun pembiayaan berserta amaun keuntungan secara bayaran ansuran yang telah dipersetujui.

8.2 Pegawai yang telah diluluskan pembiayaan komputer hendaklah menyerahkan resit, invois bagi komputer yang dibelinya itu kepada pegawai yang meluluskan permohonannya dalam tempoh 30 hari selepas cek/EFT bagi amaun pembiayaan diterima. Sekiranya pegawai itu gagal mengemukakan dokumen-dokumen tersebut dalam tempoh 30 hari, maka pembiayaan tersebut dianggap terbatal. Pegawai hendaklah membayar keseluruhan amaun

pembiayaan yang telah diluluskan berserta amaun keuntungan dalam tempoh 30 hari selepas pembatalan.

- 8.3 Pegawai yang ingin menukar spesifikasi atau pembekal komputer yang berlainan daripada spesifikasi atau pembekal komputer yang dipohon hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pegawai yang meluluskan pembiayaan tanpa melibatkan perubahan kos pembelian. Salinan surat kelulusan tersebut hendaklah dikemukakan bersama dokumen sokongan kepada Pejabat Pembayar yang berkenaan.
- 8.4 Sekiranya harga belian komputer tersebut adalah melebihi daripada amaun pembiayaan maksimum, pegawai hendaklah menjelaskan sendiri amaun bayaran baki.

## **9. Tatacara Perakaunan Pembiayaan**

9.1 Berikut adalah tatacara perakaunan bagi menguruskan akaun pembiayaan komputer:

9.1.1 Pembiayaan yang dikeluarkan dalam sesuatu bulan dianggap sebagai diberi pada akhir bulan tersebut dan pembayaran balik pembiayaan hendaklah dimulai dengan potongan daripada gaji tidak lewat dari dua (2) bulan berikutnya. Sebagai contoh bagi cek/EFT pembiayaan yang dikeluarkan pada bulan Januari potongan hendaklah bermula daripada gaji bulan Mac. Potongan dari gaji dianggap sebagai dibuat dan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer pada hujung bulan dalam mana potongan ini dibuat;

9.1.2 Semua pembiayaan akan di akaun ke dalam Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer yang berkenaan;

9.1.3 Jumlah keuntungan hendaklah dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer yang berkenaan dan dipindahkan kepada akaun hasil pada 31 Disember tiap-tiap tahun atau pada mana-mana tarikh seperti yang diarahkan oleh Akauntan Negara Malaysia atau Pegawai-Pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan;

### **9.1.4 Bayaran tunai oleh Pegawai**

Ketua Jabatan hendaklah memastikan agar Pegawai menjelaskan bayaran balik pembiayaan bagi bayaran ansuran yang tertunggak sebelum potongan gaji dibuat.

Pegawai yang menerima pembiayaan bertukar atau dipinjamkan

- 9.1.5 Jika Pegawai itu bertukar dari Jabatan Negeri ke Jabatan Persekutuan, Jabatan Negeri hendaklah menyatakan butir-butir jumlah baki pembiayaan yang belum selesai dan amaun bayaran balik yang dikenakan tiap-tiap bulan. Baki pembiayaan yang belum diselesaikan itu hendaklah dijelaskan oleh Jabatan Persekutuan kepada Jabatan Negeri melalui Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer Persekutuan dan Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan Pegawai berkenaan menyelesaikan baki pembiayaan;
- 9.1.6 Jika Pegawai ditukarkan dari Jabatan Persekutuan ke Jabatan Negeri, Jabatan Persekutuan hendaklah menyatakan butir-butir jumlah baki pembiayaan yang belum selesai dan amaun bayaran balik yang dikenakan tiap-tiap bulan. Baki pembiayaannya yang belum selesai itu hendaklah dijelaskan oleh Jabatan Negeri kepada Jabatan Persekutuan melalui Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer Negeri berkenaan dan Jabatan Negeri hendaklah memastikan Pegawai berkenaan menyelesaikan baki pembiayaan;
- 9.1.7 Jika Pegawai itu bertukar dari satu Jabatan Negeri ke Jabatan Negeri yang lain, Jabatan Negeri sebelum ini hendaklah menyemak sijil gaji akhir Pegawai. Baki pembiayaannya yang belum selesai itu hendaklah dijelaskan oleh Jabatan Negeri yang Pegawai baru ditukarkan itu kepada Jabatan Negeri sebelum ini dan Jabatan Negeri di mana Pegawai baru bertukar tersebut hendaklah memastikan Pegawai berkenaan menyelesaikan baki pembiayaan; dan
- 9.1.8 Peraturan-peraturan di atas hendaklah juga dipakai apabila Pegawai ditukar dan dipinjamkan dari Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Badan-badan Berkanun dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan sebaliknya.

**Penyata Pembiayaan**

- 9.2 Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan kepada Perbendaharaan suatu penyata mengenai semua kes ansuran potongan bulanan pembiayaan komputer yang tertunggak selama 3 bulan pada 30 Jun dan pada 31 Disember setiap tahun dalam tempoh satu bulan daripada tarikh-tarikh tersebut.
- 9.3 Jabatan yang membayar gaji Pegawai adalah bertanggungjawab untuk mengutip balik ansuran potongan bulanan pembiayaan komputer.

- 9.4 Kaedah perakaunan pembiayaan komputer adalah berdasarkan arahan-arahan berasingan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia dari semasa ke semasa.
- 9.5 Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya mengambil tindakan yang perlu untuk mendapatkan bayaran balik menerusi potongan gaji Pegawai atau mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan kepada perjanjian pembiayaan komputer yang berkenaan.
- 9.6 Apabila seseorang Pegawai itu bertukar pejabat, nombor rujukan akaun hendaklah dicatatkan dalam Penyata Gaji yang menyatakan maklumat berikut:-
- 9.6.1 tarikh mula potongan dibuat;
  - 9.6.2 tarikh akhir yang sepatutnya potongan dibuat;
  - 9.6.3 kod potongan;
  - 9.6.4 amaun bayaran balik tiap-tiap bulan; dan
  - 9.6.5 nombor rujukan (iaitu nombor akaun pinjaman) sekiranya ada.
- 9.7 Pihak yang menguruskan pembiayaan hendaklah menyediakan cek/EFT dan membayar terus kepada Pegawai. Pegawai berkenaan adalah dilantik untuk mewakili Kerajaan di dalam urusan pembelian komputer daripada penjual.
- 9.8 Pihak yang menguruskan pembiayaan hendaklah memastikan Pegawai yang menerima pembiayaan menyerahkan resit dan invoice bagi komputer yang dibelinya itu kepada pegawai yang meluluskan permohonannya dalam tempoh 30 hari selepas cek/EFT bayaran diterima. Sekiranya Pegawai itu gagal mengemukakan dokumen-dokumen tersebut dalam tempoh 30 hari, maka pembiayaan tersebut dianggap sebagai batal. Pegawai Pengawal hendaklah mengambil tindakan untuk mendapatkan kembali kesemua jumlah pembiayaan yang telah diluluskan dan amaun keuntungan Kerajaan bagi tempoh berkenaan secara sekali gus dalam tempoh 30 hari selepas pembatalan.

### **Pembatalan Pembiayaan**

- 9.9 Jika pembiayaan komputer dibatalkan atas sebab-sebab selain daripada di perenggan 8.2 termasuk pembatalan pembiayaan di atas pilihan sendiri, Ketua Jabatan hendaklah mendapatkan bayaran kesemua baki pembiayaan yang telah diluluskan sepenuhnya. Gaji dan elaun-elaun Pegawai berkenaan hendaklah tidak dibayar sehingga jumlah pembiayaan dan keuntungan itu dijelaskan.

**Buku Daftar**

9.10 Sebuah buku daftar pembiayaan pembelian komputer mengenai semua pembiayaan yang telah diluluskan hendaklah diselenggarakan oleh Ketua Jabatan. Buku tersebut hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:-

9.10.1 tarikh pembiayaan diluluskan;

9.10.2 jumlah pembiayaan;

9.10.3 tarikh cek/EFT pembiayaan diterima di pejabat Pegawai;

9.10.4 tarikh cek/EFT pembiayaan diterima oleh Pegawai;

9.10.5 nombor dan tarikh baucar pembayaran pembiayaan dan cek;

9.10.6 nombor dan tarikh resit pembelian;

9.10.7 nombor dan tarikh invois pembelian;

9.10.8 jumlah tempoh bayaran balik;

9.10.9 tarikh ansuran pertama dan amaun bayaran balik pembiayaan dimulakan;

9.10.10 tarikh ansuran akhir dan amaun bayaran balik pembiayaan; dan

9.10.11 tempoh penangguhan bayaran (jika ada).

9.11 Salinan-salinan fotostat bagi resit pembelian dan invois hendaklah disimpan dalam fail peribadi Pegawai yang menerima pembiayaan.

9.12 Pembiayaan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan Pegawai.

**10. Tindakan Surcaj Dan Tatatertib**

10.1 Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan syarat-syarat, tatacara kewangan dan perakaunan yang dinyatakan di dalam pekeliling ini dan arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa mengenai Skim Pembiayaan Komputer dipatuhi sepenuhnya.

10.2 Tindakan surcaj atau tindakan tatatertib hendaklah dikenakan ke atas Pegawai yang menerima pembiayaan sekiranya Pegawai tersebut menyebabkan pelanggaran kepada mana-mana syarat, tatacara kewangan dan tatacara perakaunan Pekeliling ini.

10.3 Pihak yang bertanggungjawab memproses, meluluskan dan menguruskan permohonan pembiayaan komputer juga boleh dikenakan surcaj atau tindakan tatatertib jika gagal mematuhi syarat, tatacara kewangan dan tatacara perakaunan dan arahan-arahan di dalam Pekeliling ini.

**11. Am**

Perbendaharaan berhak membuat atau mengenakan apa-apa syarat tambahan atau memberi kelonggaran/pengecualian kepada syarat-syarat pembiayaan bagi Skim Pembiayaan Komputer mengikut pertimbangan sewajarnya.

**12. Pemakaian**

Tertakluk kepada penerimaan dan penyesuaian pemakaian oleh entiti masing-masing, pekeling ini dipanjangkan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

# LAMPIRAN

**LAMPIRAN A**

(Kew. 317 pindaan 1/2011)

**KERAJAAN MALAYSIA**  
**PERMOHONAN PEMBIAYAAN KOMPUTER BAGI**  
**PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

(Diisi sebanyak 3 salinan)

BAHAGIAN I: (Diisi oleh Pemohon)

1. Nama Penuh (HURUF BESAR) .....
2. Nombor Kad pengenalan .....
3. (i) Tarikh Lahir..... (ii) Umur Pada Tarikh Memohon .....
4. (i) Jawatan Sekarang.....  
(ii) Kumpulan Perkhidmatan .....
- (iii) Gred Jawatan .....
5. (i) Kementerian .....
- (ii) Jabatan .....
- (iii) Alamat Penuh Tempat Bertugas .....
6. (i) Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan .....
- (ii) Tarikh Persaraan Wajib.....
7. (i) Gaji Pokok RM .....
- (ii) Jumlah Elaun-Elaun RM.....
- (iii) Jumlah Potongan RM.....(sertakan slip gaji terakhir)
8. Harga komputer yang hendak dibeli (sertakan sebut harga yang menyenaraikan butiran spesifikasi komputer, perkakasan dan perisian) RM.....
9. Jumlah pembiayaan yang dipohon RM..... (Ringgit Malaysia.....  
.....  
.....)
10. Tempoh pembayaran ..... Bulan.

Tarikh .....

.....  
Tandatangan Pemohon



BAHAGIAN II: (Diisi oleh Ketua Jabatan/Bahagian semasa mengemukakan permohonan)

Kepada .....  
.....

Rujukan .....  
.....

Disahkan bahawa butir-butir yang diberikan oleh pemohon telah diselidiki dan didapati benar:

- (i) Disahkan bahawa butir-butir yang diberikan oleh pemohon telah diselidiki dan didapati benar.
- \*(ii) Pemohon \*mematuhi/tidak mematuhi syarat kelayakan dan pembiayaan yang ditetapkan di dalam WP 9.1.
- \*(iii) Saya \*berpuas hati/tidak berpuas hati dengan kedudukan kewangan pemohon dan pembayaran balik pembiayaan ini \*tidak akan menyebabkan/akan menyebabkan kesusahan kewangan kepada pemohon.

Saya \*menyokong/tidak menyokong permohonan ini.

Tarikh .....

.....  
Tandatangan Ketua Jabatan/Bahagian

Nama .....

Jawatan .....

BAHAGIAN III: (diisi oleh Pegawai yang meluluskan pembiayaan)

Kepada .....  
.....

Rujukan .....  
.....

- (a) \* Pembiayaan sebanyak RM ..... diluluskan dengan bayaran balik sebanyak ..... selama ..... bulan. [Borang Pinjaman/Pembiayaan Harta (Butir Peribadi) AK 1/KEW.322 yang telah dilengkapkan dikembarkan bersama-sama ini].
- (b) \* Pembiayaan tidak diluluskan.

Tarikh .....

.....  
Tandatangan Pegawai Yang Meluluskan

Nama .....

Jawatan .....

\*Potong yang mana tidak berkenaan

BAHAGIAN IV: (Untuk kegunaan Jabatan Akauntan Negara/Pejabat Pembayar).

1. No. Akaun Pinjaman:.....
2. No. Baucar: .....
3. Tarikh Baucar: .....
4. No. Cek/\*EFT: .....
5. Tarikh Cek/\*EFT: .....

---

\*Potong yang mana tidak berkenaan

**SURAT KELULUSAN DAN TAWARAN  
PEMBIAYAAN KOMPUTER**

Encik/Puan,

No. K/P:

**Permohonan Mendapatkan Pembiayaan Komputer**

Dengan ini dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk mendapatkan kemudahan bagi tujuan membiayai keseluruhan/sebahagian daripada harga pembelian komputer adalah diluluskan seperti berikut:

(i) Harga Belian oleh Kerajaan: <sup>1</sup>RM..... Kerajaan akan menyelesaikan harga belian ini seperti berikut:

(a) Amaun Pembiayaan Kerajaan: <sup>2</sup>RM.....

(b) Bayaran Baki oleh Tuan/Puan: <sup>3</sup>RM.....(Jika harga komputer melebihi amaun pembiayaan Kerajaan)

(ii) Harga Jualan Kepada Pegawai: <sup>4</sup>RM.....

Kerajaan akan mendapatkan bayaran harga jualan ini seperti berikut:

(a) Bayaran baki oleh Tuan/Puan: <sup>3</sup>RM.....(Jika harga komputer melebihi amaun pembiayaan Kerajaan)

(b) Bayaran amaun pembiayaan dan keuntungan Kerajaan sebanyak <sup>5</sup>RM..... dibuat melalui bayaran ansuran bulanan sebanyak RM.....sebulan selama.....bulan

(iii) Tempoh Bayaran Balik: .....

2. Tawaran ini adalah dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(i) Tuan/Puan adalah dikehendaki menandatangani Surat Perjanjian Pembiayaan Pembelian Komputer sebelum bayaran dikeluarkan melalui cek/EFT dapat dibuat. Duti Setem untuk Surat Perjanjian mestilah dibayar oleh pihak tuan/puan;

---

<sup>1</sup> Kos komputer

<sup>2</sup> Amaun yang dibiayai oleh Kerajaan berdasarkan kelayakan Pegawai

<sup>3</sup> Amaun ditanggung sendiri oleh penerima biaya kerana kos komputer melebihi amaun pembiayaan maksimum

<sup>4</sup> Amaun sebenar yang akan dibayar oleh penerima biaya

<sup>5</sup> Jumlah amaun pembiayaan Kerajaan yang telah dicampurkan dengan amaun keuntungan

- (ii) Tuan/Puan akan dilantik untuk mewakili Kerajaan dalam urusan pembelian komputer tersebut. Sehubungan dengan ini, sungguhpun pembayaran pembiayaan akan dikeluarkan atas nama tuan/puan, adalah menjadi tanggungjawab tuan/puan untuk menggunakan amaun bayaran tersebut bagi tujuan pembelian komputer tersebut di atas bagi pihak Kerajaan;
  - (iii) Kemudahan pembiayaan pembelian komputer ini tidak boleh digunakan untuk tujuan yang lain;
  - (iv) Jika pegawai ingin menukar spesifikasi komputer yang hendak dibeli, pegawai hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pegawai yang meluluskan pembiayaan. Salinan kelulusan tersebut hendaklah disertakan bersama-sama dokumen sokongan dan dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia atau Pejabat Pembayar yang berkenaan;
  - (v) Komputer yang dibeli hendaklah dibeli terus dan tidak tertakluk kepada lain-lain urusan kewangan;
  - (vi) Tuan/Puan adalah dikehendaki menyerahkan kepada pegawai yang meluluskan pembiayaan salinan asal resit pembelian komputer dan salinan invoice. Sekiranya tuan/puan gagal mengemukakan dokumen-dokumen tersebut dalam tempoh 30 hari, maka pembiayaan itu dianggap sebagai terbatal dan dengan itu tuan/puan dikehendaki menjelaskan sepenuhnya amaun pembiayaan Kerajaan yang diluluskan secara sekali gus. Jika gagal, Ketua Jabatan boleh mengambil tindakan untuk menahan gaji dan elaun tuan/puan sehinggalah kesemua baki harga jualan itu dijelaskan;
  - (vii) Tuan/Puan adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran ansuran berkenaan jika potongan dari gaji bulanan tidak sempat dibuat;
  - (viii) Tuan/Puan adalah juga tertakluk kepada lain-lain syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam WP 9.1, lain-lain arahan dan ketetapan mengenai kemudahan pembiayaan komputer yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan daripada semasa ke semasa. Tindakan Tatatertib dan/atau surcaj boleh diambil terhadap tuan/puan sekiranya tuan/puan didapati gagal mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan dalam WP 9.1 dan arahan tersebut.
3. Sekiranya tuan/puan bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas, sila kembalikan kepada Kementerian/Jabatan ini salinan surat tawaran yang telah ditandatangani dalam masa 6 bulan daripada tarikh surat ini. Jika jawapan tidak diterima dalam tempoh tersebut, tawaran ini akan dianggap luput.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah

,.....

( )

**MEMORANDUM PENERIMAAN**

Merujuk kepada surat tawaran tuan bil. .... bertarih ..... dengan ini saya menerima tawaran tersebut dan bersetuju dengan syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang dikenakan serta mengembalikan salinan surat ini yang telah ditandatangani untuk tindakan tuan/puan selanjutnya.

Ditandatangani oleh .....

Nama: .....

No. K/P: .....

Disaksikan oleh .....

Nama: .....

No. K/P: .....

Jawatan: .....

Alamat: .....

**PERJANJIAN UNTUK SKIM PEMBIAYAAN  
KOMPUTER PERKHIDMATAN AWAM**

PERJANJIAN ini dibuat pada ..... hari bulan ..... 20.....

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA (selepas ini disebut sebagai "Kerajaan") sebagai satu pihak

DAN

..... (K/P No: .....) yang

beralamat di ..... (kemudian daripada ini disebut "Pembeli") sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA Pembeli telah memohon kemudahan pembiayaan untuk membeli komputer di bawah Skim Pembiayaan Pembelian Komputer sebagaimana yang dinyatakan dalam WP 9.1 (selepas ini disebut sebagai "skim tersebut") sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia.....) sahaja dan Kerajaan telah meluluskan permohonan Pembeli tertakluk kepada syarat-syarat yang diperuntukkan dalam Perjanjian ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI oleh kedua-dua Pihak seperti berikut:

1. Berdasarkan prinsip pembiayaan yang ditetapkan dalam skim tersebut, Kerajaan di atas permohonan Pembeli, telah membeli komputer pada harga belian seperti yang disebutkan dalam Seksyen 2, Jadual Pertama.
2. Kerajaan hendaklah menjual komputer tersebut kepada Pembeli pada harga jualan dengan bayaran purata ansuran bulanan sebagaimana yang disebutkan dalam Jadual Kedua dan tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam skim tersebut dan Perjanjian ini.
3. Pembeli dengan ini bersetuju dan beraku janji untuk:
  - i. mematuhi syarat dan peraturan yang terkandung di dalam WP 9.1;
  - ii. wang pembiayaan yang dipinjamkan tidak akan digunakan selain daripada maksud ianya diluluskan. Jika digunakan untuk tujuan lain, pembiayaan ini adalah terbatal dan dengan ini, wang pembiayaan hendaklah dibayar sekali gus. Pembeli dengan ini juga memberi kebenaran kepada Ketua Jabatan untuk menahan bayaran gaji dan elaunnya sehingga kesemua jumlah pembiayaan itu dijelaskan;
  - iii. menjelaskan semua baki harga jualan sebelum menamatkan perkhidmatannya dengan Kerajaan;
  - iv. sekiranya potongan ansuran tidak dilakukan daripada gaji bulanan Pembeli walau dengan apa sebab pun, Pembeli hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sendiri kepada Kerajaan sehingga potongan ansuran dilakukan;
  - v. jika Pembeli menamatkan perkhidmatan dengan Kerajaan atau ditamatkan oleh Kerajaan sebelum pembiayaan dijelaskan sepenuhnya, Pembeli hendaklah membayar sekali gus semua baki harga jualan;
  - vi. Jika Pembeli meninggal dunia, baki harga jualan akan diselesaikan oleh si waris secara sekali gus.
4. Kerajaan berhak menarik balik pembiayaan ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan menuntut bayaran balik harga jualan dengan sekali gus.

5. Kerajaan, yang bukan pembuat, pengedar atau tuan punya asal komputer tersebut, tidak memberi apa-apa waranti dan tidak juga membuat sebarang representasi berkaitan dengan keadaan komputer tersebut atau tentang *merchantability* atau kesesuaian atau *fitness* bagi maksud tertentu atau bagi apa-apa maksud komputer tersebut dikehendaki sama ada waranti tersebut dan representasi dengan nyata atau tersirat dan sama berbangkit di bawah perjanjian ini atau sebaliknya dan Pembeli dengan ini bersetuju tidak membuat apa-apa tuntutan pun terhadap Kerajaan berkenaan hal tersebut.

Dengan syarat:

Bahawa fasal ini hendaklah tidak menyentuh hak Pembeli bagi membuat tuntutan berkaitan dengan waranti atau representasi terhadap pembuat, pengedar atau tuan punya komputer tersebut.

6. Kegagalan atau kelewatan di pihak Kerajaan dalam menjalankan apa-apa kuasa, hak atau remedi di bawah Perjanjian ini tidak akan mencatitkan mana-mana kuasa, hak atau remedi tersebut dan kegagalan serta kelewatan tersebut tidak boleh ditafsirkan sebagai pelepasan (*waiver*) terhadap kuasa, hak atau remedi itu atau sebarang keingkaran (*breach*) yang lain dan berikutnya.
7. Perjanjian ini hendaklah mengikat, wakil-wakil diri, pengganti, *executor* dan *administrator* (wasi dan pentadbir) bagi Pembeli dan penerima serah hak dan pengganti Kerajaan.
8. Semua kos termasuk duti setem, apa-apa duti lain, cukai atau fi dan perbelanjaan yang berkaitan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Pembeli dan sebarang perbelanjaan yang dituntut oleh Kerajaan (termasuk fi peguam bagi pihak Kerajaan atas asas peguam dan pelanggan) dalam keadaan di mana Kerajaan terpaksa mengambil tindakan terhadap Pembeli di bawah Perjanjian ini hendaklah ditanggung dan dibayar sepenuhnya oleh Pembeli.
9. Masa berkaitan dengan semua peruntukan dalam Perjanjian ini terutama kepada obligasi Pembeli di bawah Perjanjian ini merupakan terma penting.
10. Jadual Pertama dan Jadual Kedua adalah terpakai, dibaca dan diertikan sebagai bahagian yang mustahak dalam Perjanjian ini.

PADA MENYAKSIKAN HAL TERSEBUT

Kedua-dua pihak dengan ini menurunkan tandatangan pada hari dan tahun yang ditulis di atas.

DITANDATANGANI OLEH:

dengan kehadiran

KERAJAAN MALAYSIA

SAKSI

.....  
Tandatangan

.....  
Tandatangan

Nama Penuh .....

Nama Penuh .....

No. Kad Pengenalan .....

No. Kad Pengenalan .....

Jawatan .....

Jawatan .....

DITANDATANGANI OLEH:

dengan kehadiran

PEMBELI

SAKSI

.....  
Tandatangan

.....  
Tandatangan

Nama Penuh .....

Nama Penuh .....

No. Kad pengenalan .....

No. Kad Pengenalan .....

Jawatan .....

Jawatan .....



JADUAL PERTAMA

Seksyen	Perkara	Butiran
1.	Butiran Pembekal	i. Nama Pembekal:  Alamat:  ii. Nama Pembekal:  Alamat:  iii. Nama Pembekal:  Alamat:
2.	Harga Belian Komputer	Jumlah harga belian ialah sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia .....) iaitu terdiri daripada:  (a) Amaun pembiayaan Kerajaan sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia .....) ..... dan  (b) Bayaran baki sebanyak RM ..... (Ringgit Malaysia .....) ..... yang telah dijelaskan sendiri oleh Pembeli.

JADUAL KEDUA

<i>Seksyen</i>	<i>Perkara</i>	<i>Butiran</i>
1.	Harga Jualan	Harga jualan ialah: RM ..... (Ringgit Malaysia ..... .....) iaitu terdiri seperti berikut: (a) Bayaran baki sebanyak RM ..... (Ringgit Malaysia ..... .....) yang telah dijelaskan sendiri oleh Pembeli; dan (b) Amaun pembiayaan dan keuntungan Kerajaan RM ..... (Ringgit Malaysia ..... .....).
2.	Amaun dan Keuntungan Kerajaan serta Tempoh Bayaran Balik Jumlah Pembiayaan	Pembiayaan dan keuntungan Kerajaan hendaklah dibayar balik secara potongan daripada gaji setiap bulan sebanyak RM ..... (Ringgit Malaysia ..... .....) Bagi tempoh ..... bulan.

**LAMPIRAN D**

**SURAT PERLANTIKAN SEBAGAI WAKIL KERAJAAN**

Encik/Puan.....

.....

No. K/P.....

**Permohonan Mendapatkan Pembiayaan**

Merujuk kepada perkara tersebut di atas, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan permohonan tuan/puan untuk mendapatkan kemudahan membiayai pembelian komputer/perkakasan/perisian. Tuan/puan telah juga bersetuju menerima tawaran Kerajaan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam surat kelulusan/tawaran Kementerian/Jabatan ini bil..... bertarikh .....

2. Tuan/puan adalah dengan ini dilantik untuk mewakili Kerajaan dalam urusan pembelian komputer yang dimaksudkan itu menggunakan cek/EFT diluluskan atas nama tuan/puan bagi tujuan pembelian tersebut.

3. Bersama-sama ini disertakan cek atau maklumat EFT bernombor.....bertarikh .....dan bernilai RM.....(Ringgit Malaysia:.....) atas nama tuan/puan untuk tindakan tuan/puan selanjutnya.

4. Sebagai penerima pembiayaan komputer ini, tuan/puan adalah dikehendaki membayar balik amaun pembiayaan oleh Kerajaan berserta amaun keuntungan secara bayaran ansuran bulanan sebanyak RM.....sebulan selama..... bulan melalui potongan gaji mulai daripada.....bulan ..... tahun ..... Sekiranya potongan daripada gaji bulanan tidak sempat dibuat, tuan/puan adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran ansuran bulanan berkenaan dengan serta merta.

5. Tuan/puan adalah diingatkan sekali lagi bahawa kegagalan mematuhi syarat dan peraturan sebagaimana yang ditetapkan dalam WP 9.1, lain-lain arahan dan ketetapan Perbendaharaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa boleh mengakibatkan kemudahan pembiayaan pembelian komputer ini dibatalkan serta merta. Dalam hal demikian, jumlah wang pembiayaan yang telah diluluskan itu hendaklah dikembalikan secara sekali gus. Jika tidak, tindakan tatatertib dan/atau tindakan surcaj boleh diambil terhadap tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

.....  
( )

**LAMPIRAN E**

**JADUAL BAYARAN ANSURAN BULANAN MENGIKUT JUMLAH PINJAMAN DAN TEMPOH BAYARAN BALIK**

Jumlah Pembiayaan	RM100			RM200			RM300			RM400			RM500		
	Tempoh Bayaran Balik	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan
6 BULAN	101.16	1.16	16.86	202.32	2.32	33.72	303.48	3.48	50.58	404.70	4.70	67.45	505.86	5.86	84.31
12 BULAN	102.12	2.12	8.51	204.36	4.36	17.03	306.48	6.48	25.54	408.72	8.72	34.06	510.84	10.84	42.57
18 BULAN	103.14	3.14	5.73	206.46	6.46	11.47	309.60	9.60	17.20	412.74	12.74	22.93	516.06	16.06	28.67
24 BULAN	104.16	4.16	4.34	208.32	8.32	8.68	312.72	12.72	13.03	416.88	16.88	17.37	521.04	21.04	21.71
30 BULAN	105.30	5.30	3.51	210.60	10.60	7.02	315.60	15.60	10.52	420.90	20.90	14.03	526.20	26.20	17.54
36 BULAN	106.20	6.20	2.95	212.40	12.40	5.90	318.96	18.96	8.86	425.16	25.16	11.81	531.36	31.36	14.76
42 BULAN	104.52	7.52	2.56	214.62	14.62	5.11	322.14	22.14	7.67	429.24	29.24	10.22	536.76	36.76	12.78
48 BULAN	108.48	8.48	2.26	216.96	16.96	4.52	324.96	24.96	6.77	433.44	33.44	9.03	541.92	41.92	11.29

Jumlah Pembiayaan	RM600			RM700			RM800			RM900			RM1,000		
	Tempoh Bayaran Balik	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan
6 BULAN	607.02	7.02	101.17	708.18	8.18	118.03	809.34	9.34	134.89	910.50	10.50	151.75	1,011.72	11.72	168.62
12 BULAN	613.08	13.08	51.09	715.20	15.20	59.60	817.44	17.44	68.12	919.56	19.56	76.63	1,021.80	21.80	85.15
18 BULAN	619.20	19.20	34.40	722.34	22.34	40.13	825.66	25.66	45.87	928.80	28.80	51.60	1,031.94	31.94	57.33
24 BULAN	625.20	25.20	26.05	729.60	29.60	30.40	833.76	33.76	34.74	937.92	37.92	39.08	1,042.08	42.08	43.42
30 BULAN	631.50	31.50	21.05	736.80	36.80	24.56	842.10	42.10	28.07	947.10	47.10	31.57	1,052.40	52.40	35.08
36 BULAN	637.56	37.56	17.71	744.12	44.12	20.67	850.32	50.32	23.62	956.52	56.52	26.57	1,062.72	62.72	29.52
42 BULAN	643.86	43.86	15.33	751.38	51.38	17.89	858.48	58.48	20.44	966.00	66.00	23.00	1,073.10	73.10	25.55
48 BULAN	650.40	50.40	13.55	758.88	58.88	15.81	866.88	66.88	18.06	975.36	75.36	20.32	1,083.84	83.84	22.58

Jumlah Pembiayaan	RM1,100			RM1,200			RM1,300			RM1,400			RM1,500		
	Tempoh Bayaran Balik	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan
6 BULAN	1,112.88	12.88	185.48	1,214.04	14.04	202.34	1,315.20	15.20	219.20	1,416.36	16.36	236.06	1,517.52	17.52	252.92
12 BULAN	1,123.92	23.92	93.66	1,226.16	26.16	102.18	1,328.28	28.28	110.69	1,430.52	30.52	119.21	1,532.64	32.64	127.72
18 BULAN	1,135.08	35.08	63.06	1,238.40	38.40	68.80	1,341.54	41.54	74.53	1,444.68	44.68	80.26	1,548.00	48.00	86.00
24 BULAN	1,146.48	46.48	47.77	1,250.64	50.64	52.11	1,354.80	54.80	56.45	1,458.96	58.96	60.79	1,563.36	63.36	65.14
30 BULAN	1,157.70	57.70	38.59	1,263.00	63.00	42.10	1,368.30	68.30	45.61	1,473.60	73.60	49.12	1,578.60	78.60	52.62
36 BULAN	1,169.28	69.28	32.48	1,275.48	75.48	35.43	1,381.68	81.68	38.38	1,487.88	87.88	41.33	1,594.44	94.44	44.29
42 BULAN	1,180.62	80.62	28.11	1,288.14	88.14	30.67	1,395.24	95.24	33.22	1,502.76	102.76	35.78	1,609.86	109.86	38.38
48 BULAN	1,192.32	92.32	24.84	1,300.32	100.32	27.09	1,408.80	108.80	29.35	1,517.28	117.28	31.61	1,625.76	125.76	33.87

Jumlah Pembiayaan	RM1,600			RM1,700			RM1,800			RM1,900			RM2,000		
	Tempoh Bayaran Balik	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan
6 BULAN	1,618.74	18.74	269.79	1,719.90	19.90	286.65	1,821.06	21.06	303.51	1,922.22	22.22	320.37	2,023.38	23.38	337.23
12 BULAN	1,634.88	34.88	136.24	1,737.00	37.00	144.75	1,839.24	39.24	153.27	1,941.36	41.36	161.78	2,043.60	43.60	170.30
18 BULAN	1,651.14	51.14	91.73	1,754.28	54.28	97.46	1,857.60	57.60	103.20	1,960.74	60.74	108.93	2,063.88	63.88	114.66
24 BULAN	1,667.52	67.52	69.48	1,771.68	71.68	73.82	1,875.84	75.84	78.16	1,980.24	80.24	82.51	2,084.40	84.40	86.85
30 BULAN	1,683.90	83.90	56.13	1,789.20	89.20	59.64	1,894.50	94.50	63.15	1,999.80	99.80	66.66	2,105.10	105.10	70.17
36 BULAN	1,700.64	100.64	47.24	1,806.84	106.84	50.19	1,913.04	113.04	53.14	2,019.60	119.60	56.10	2,125.80	125.80	59.05
42 BULAN	1,717.38	117.38	40.89	1,824.48	124.48	43.44	1,932.00	132.00	46.00	2,039.10	139.10	48.55	2,146.62	146.62	51.11
48 BULAN	1,734.24	134.24	36.13	1,842.24	142.24	38.38	1,950.72	150.72	40.64	2,059.20	159.20	42.90	2,167.68	167.68	45.16

Jumlah Pembiayaan Tempoh Bayaran Balik	RM2,100			RM2,200			RM2,300			RM2,400			RM2,500		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
6 BULAN	2,124.54	24.54	354.09	2,225.76	25.76	370.96	2,326.92	26.92	387.82	2,428.08	28.08	404.68	2,529.24	29.24	421.54
12 BULAN	2,145.72	45.72	178.81	2,247.96	47.96	187.33	2,350.08	50.08	195.84	2,452.32	52.32	204.36	2,554.44	54.44	212.87
18 BULAN	2,167.20	67.20	120.40	2,270.34	70.34	126.13	2,373.48	73.48	131.86	2,476.80	76.80	137.60	2,579.94	79.94	143.33
24 BULAN	2,188.56	88.56	91.19	2,292.72	92.72	95.53	2,397.12	97.12	99.88	2,501.28	101.28	104.22	2,605.44	105.44	108.56
30 BULAN	2,210.10	110.10	73.67	2,315.40	115.4	77.18	2,420.70	120.70	80.69	2,526.00	126.00	84.20	2,631.30	131.30	87.71
36 BULAN	2,232.00	132.00	62.00	2,338.20	138.20	64.95	2,444.76	144.76	67.91	2,550.96	150.96	70.86	2,657.16	157.16	73.81
42 BULAN	2,253.72	153.72	53.66	2,361.24	161.24	56.22	2,468.76	168.76	58.78	2,575.86	175.86	61.33	2,683.38	183.38	63.89
48 BULAN	2,276.16	176.16	47.42	2,384.16	184.16	49.67	2,492.64	192.64	51.93	2,601.12	201.12	54.19	2,709.60	209.60	56.45

Jumlah Pembiayaan Tempoh Bayaran Balik	RM2,600			RM2,700			RM2,800			RM2,900			RM3,000		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
6 BULAN	2,630.40	30.40	438.40	2,731.56	31.56	455.26	2,832.78	32.78	472.13	2,933.94	33.94	488.99	3,035.10	35.10	505.85
12 BULAN	2,656.68	56.68	221.39	2,758.80	58.80	229.90	2,861.04	61.04	238.42	2,963.16	63.16	246.93	3,065.40	65.40	255.45
18 BULAN	2,683.08	83.08	149.06	2,786.22	86.22	154.79	2,889.54	89.54	160.53	2,992.68	92.68	166.26	3,095.82	95.82	171.99
24 BULAN	2,709.60	109.60	112.90	2,814.00	114.00	117.25	2,918.16	118.16	121.59	3,022.32	122.32	125.93	3,126.48	126.48	130.27
30 BULAN	2,736.60	136.60	91.22	2,841.60	141.60	94.72	2,946.90	146.90	98.23	3,052.20	152.20	101.74	3,157.50	157.50	105.25
36 BULAN	2,763.36	163.36	76.76	2,869.56	169.56	79.71	2,976.12	176.12	82.67	3,082.32	182.32	85.62	3,188.52	188.52	88.57
42 BULAN	2,790.48	190.48	66.44	2,898.00	198.00	69.00	3,005.10	205.10	71.55	3,112.62	212.62	74.11	3,219.72	219.72	76.66
48 BULAN	2,818.08	218.08	58.71	2,926.08	226.08	60.96	3,034.56	234.56	63.22	3,143.04	243.04	65.48	3,251.52	251.52	67.74

Jumlah Pembiayaan Tempoh Bayaran Balik	RM3,100			RM3,200			RM3,300			RM3,400			RM3,500		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
6 BULAN	3,136.26	36.26	522.71	3,237.42	37.42	539.57	3,338.58	38.58	556.43	3,439.80	39.80	573.30	3,540.96	40.96	590.16
12 BULAN	3,167.52	67.52	263.96	3,269.76	69.76	272.48	3,371.88	71.88	280.99	3,474.12	74.12	289.51	3,576.24	76.24	298.02
18 BULAN	3,199.14	99.14	177.73	3,302.28	102.28	183.46	3,405.42	105.42	189.19	3,508.74	108.74	194.93	3,611.88	111.88	200.66
24 BULAN	3,230.88	130.88	134.62	3,335.04	135.04	138.96	3,439.20	139.20	143.30	3,545.36	143.36	147.64	3,647.76	147.76	151.99
30 BULAN	3,262.80	162.80	108.76	3,368.10	168.10	112.27	3,473.10	173.10	115.77	3,578.40	178.40	119.28	3,683.70	183.70	122.79
36 BULAN	3,294.72	194.72	91.52	3,401.28	201.28	94.48	3,507.48	207.48	97.43	3,613.68	213.68	100.38	3,719.88	219.88	103.33
42 BULAN	3,327.24	227.24	79.22	3,434.34	234.34	81.77	3,541.86	241.86	84.33	3,649.38	249.38	86.89	3,756.48	256.48	89.44
48 BULAN	3,360.00	260.00	70.00	3,468.00	268.00	72.25	3,576.48	276.48	74.51	3,684.96	284.96	76.77	3,793.44	293.44	79.03

Jumlah Pembiayaan Tempoh Bayaran Balik	RM3,600			RM3,700			RM3,800			RM3,900			RM4,000		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
6 BULAN	3,642.12	42.12	607.02	3,743.28	43.28	623.88	3,844.44	44.44	640.74	3,945.60	45.60	657.60	4,046.82	46.82	674.47
12 BULAN	3,678.48	78.48	306.54	3,780.60	80.60	315.05	3,882.84	82.84	323.57	3,984.96	84.96	332.08	4,087.20	87.20	340.60
18 BULAN	3,715.02	115.02	206.39	3,818.34	118.34	212.13	3,921.48	121.48	217.86	4,024.62	124.62	223.59	4,127.94	127.94	229.33
24 BULAN	3,751.92	151.92	156.33	3,856.08	156.08	160.67	3,960.24	160.24	165.01	4,064.64	164.64	169.36	4,168.80	168.80	173.70
30 BULAN	3,789.00	189.00	126.30	3,894.30	194.30	129.81	3,999.60	199.60	133.32	4,104.60	204.60	136.82	4,209.90	209.90	140.33
36 BULAN	3,826.44	226.44	106.29	3,932.64	232.64	109.24	4,038.84	238.84	112.19	4,145.04	245.04	115.14	4,251.60	251.60	118.10
42 BULAN	3,864.00	264.00	92.00	3,971.10	271.10	94.55	4,078.62	278.62	97.11	4,185.72	285.72	99.66	4,293.24	293.24	102.22
48 BULAN	3,901.44	301.44	81.28	4,009.92	309.92	83.54	4,118.40	318.40	85.80	4,226.88	326.88	88.06	4,335.36	335.36	90.32

Jumlah Pembiayaan Tempoh Bayaran Balik	RM4,100			RM4,200			RM4,300			RM4,400			RM4,500		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
6 BULAN	4,147.98	47.98	691.33	4,249.14	49.14	708.19	4,350.30	50.30	725.05	4,451.46	51.46	741.91	4,552.62	52.62	758.77
12 BULAN	4,189.32	89.32	349.11	4,291.56	91.56	357.63	4,393.68	93.68	366.14	4,495.92	95.92	374.66	4,598.04	98.04	383.17
18 BULAN	4,231.08	131.08	235.06	4,334.22	134.22	240.79	4,437.54	137.54	246.53	4,540.68	140.68	252.26	4,643.82	143.82	257.99
24 BULAN	4,272.96	172.96	178.04	4,377.12	177.12	182.38	4,481.52	181.52	186.73	4,585.68	185.68	191.07	4,689.84	189.84	195.41
30 BULAN	4,315.20	215.20	143.84	4,420.50	220.20	147.35	4,525.80	225.80	150.86	4,631.10	231.10	154.37	4,736.10	236.10	157.87
36 BULAN	4,357.80	257.80	121.05	4,564.00	264.00	124.00	4,570.20	270.20	126.95	4,676.76	276.76	129.91	4,782.96	282.96	132.86
42 BULAN	4,400.34	300.34	104.77	4,507.86	307.86	107.33	4,615.38	315.38	109.89	4,722.48	322.48	112.44	4,830.00	330.00	115.00
48 BULAN	4,443.36	343.36	92.57	4,551.84	351.84	94.83	4,660.32	360.32	97.09	4,768.80	368.80	99.35	4,877.28	377.28	101.61

Jumlah Pembiayaan Tempoh Bayaran Balik	RM4,600			RM4,700			RM4,800			RM4,900			RM5,000		
	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan	Harga Jualan	Jumlah Keuntungan	Ansuran Bulanan
6 BULAN	4,653.84	53.84	775.64	4,755.00	55.00	792.50	4,856.16	56.16	809.36	4,957.32	57.32	826.22	5,058.48	58.48	843.08
12 BULAN	4,700.28	100.28	391.69	4,802.40	102.40	400.20	4,904.64	104.64	408.72	5,006.76	106.76	417.23	5,109.00	109.00	425.75
18 BULAN	4,746.96	146.96	263.72	4,850.28	150.28	269.46	4,953.42	153.42	275.19	5,056.56	156.56	280.92	5,159.88	159.88	286.66
24 BULAN	4,794.00	194.00	199.75	4,898.40	198.40	204.10	5,002.56	202.56	208.44	5,106.72	206.72	212.78	5,210.88	210.88	217.12
30 BULAN	4,841.40	241.40	161.38	4,946.70	246.70	164.89	5,052.00	252.00	168.40	5,157.30	257.30	171.91	5,262.60	262.60	175.42
36 BULAN	4,889.16	289.16	135.81	4,995.36	295.36	138.76	5,101.92	301.92	141.72	5,208.12	308.12	144.67	5,314.32	314.32	147.62
42 BULAN	4,937.10	337.10	117.55	5,044.62	344.62	120.11	5,151.72	351.72	122.66	5,259.24	359.24	125.22	5,366.34	366.34	127.77
48 BULAN	4,985.28	385.28	103.86	5,093.76	393.76	106.12	5,202.24	402.24	108.38	5,310.72	410.72	110.64	5,419.20	419.20	112.90